



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS CETAKAN SEMULA
YANG KEMAS KINI

Akta 269

AKTA PERUNTUKAN DIRAJA 1982

Sebagaimana pada 1 September 2012

AKTA PERUNTUKAN DIRAJA 1982

Tarikh Perkenan Diraja 30 April 1982

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 13 Mei 1982

Kali terakhir dipinda melalui
P.U. (A) 253/2002 yang mula
berkuat kuasa pada 1 November 2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 269****AKTA PERUNTUKAN DIRAJA 1982**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong
3. Keistimewaan lain
4. Tanggungan ke atas Kumpulan Wang Disatukan
5. Pembayaran
6. Peruntukan, pemakaian Akta Tatacara Kewangan 1957 dan pindah peruntukan
7. Perubahan pemegang jawatan
8. Pindaan Jadual
9. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 269

AKTA PERUNTUKAN DIRAJA 1982

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[1 Julai 1981]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Peruntukan Diraja 1982 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1981.

Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong

2. (1) Maka hendaklah dibayar untuk Peruntukan Diraja Yang di-Pertuan Agong jumlah wang tahunan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga dan apa-apa jumlah wang yang perlu untuk mengadakan peruntukan bagi keistimewaan yang ditentukan menurut Jadual Keempat.

(2) Amaun yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah dibayar kepada Yang di-Pertuan Agong.

(3) Amaun yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dibayar kepada, dan diletakkan di bawah kawalan, pegawai pengawal yang dilantik menurut seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

(4) Amaun yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah dibayar kepada Raja Permaisuri Agong.

Keistimewaan lain

3. Maka hendaklah diberi kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong keistimewaan yang ditentukan menurut Jadual Keempat.

Tanggungjawab ke atas Kumpulan Wang Disatukan

4. Jumlah wang yang dikehendaki bagi pembayaran dan untuk mengadakan peruntukan bagi keistimewaan di bawah seksyen 2 dan 3 hendaklah dipertanggungjawabkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan.

Pembayaran

5. Jumlah wang tahunan yang kena dibayar di bawah Jadual Pertama dan Jadual Ketiga hendaklah—

(a) terakru dari hari ke hari; dan

(b) dibayar secara bulanan pada hari terakhir tiap-tiap bulan atau pada mana-mana hari lain dalam bulan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan dari semasa ke semasa.

Peruntukan, pemakaian Akta Tatacara Kewangan 1957 dan pindah peruntukan

6. (1) Amaun yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam mana-mana tahun hendaklah diperuntukkan kepada maksud perbelanjaan yang masing-masingnya dinyatakan dalam Jadual itu dan hendaklah dibelanjakan dalam tahun itu oleh pegawai pengawal, dan, tertakluk kepada subseksyen (2), setiap waran yang dikeluarkan mengenai amaun itu hendaklah luput menurut subseksyen 13(6) Akta Tatacara Kewangan 1957.

(2) Jika didapati bahawa jumlah wang yang diperuntukkan bagi mana-mana maksud perbelanjaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam mana-mana tahun tidak dikehendaki sepenuhnya untuk perbelanjaan bagi maksud itu dalam tahun itu Perdana Menteri, setelah berunding dengan Menteri Kewangan, boleh mengarahkan supaya amaun yang tidak dikehendaki sedemikian itu digunakan sebagai tambahan kepada jumlah wang yang disediakan bagi mana-mana maksud lain.

Perubahan pemegang jawatan

7. Sekiranya berlaku perubahan dalam pemegang jawatan Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong, maka jumlah wang tahunan yang genap masa dan kena dibayar di bawah Jadual Pertama dan Jadual Ketiga hendaklah diselaraskan dan dibahagikan mengikut hal keadaan.

Pindaan Jadual

8. Jemaah Menteri boleh melalui perintah meminda Jadual dari semasa ke semasa.

Pemansuhan

9. Ordinan Peruntukan Diraja 1957 [*Ord. 70/1957*] dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

(a)	<i>Privy Purse</i>	...	...	RM608,400.00 atau sebanyak mana yang kena dibayar sebagai <i>Privy Purse</i> di bawah undang-undang Negeri kepada Raja sesuatu Negeri pada tarikh Raja itu dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong, mengikut mana yang lebih besar jumlahnya.
(b)	Elaun Keraian	...	...	RM202,800.00
(c)	Elaun Diraja Istana Negara	...	...	RM243,360.00

JADUAL KEDUA

(a)	Perbelanjaan Istana dan Sambutan Tetamu	...	...	RM2,259,100.00
-----	---	-----	-----	----------------

Peruntukan Diraja

9

(b)	Gaji Kakitangan Istana	...	...	RM1,514,700.00
(c)	<i>Bounty</i> Diraja, Pemberian dan Khidmat Khas	...	...	RM50,000.00

JADUAL KETIGA

(a)	<i>Privy Purse</i>	...	...	RM113,568.00
(b)	Elaun Keraian	...	...	RM36,504.00
(c)	Elaun Diraja Istana Negara	...	...	RM46,800.00

JADUAL KEEMPAT

Maka hendaklah diperuntukkan apa-apa keistimewaan sebagaimana ditentukan oleh Jemaah Menteri dari semasa ke semasa.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 269

AKTA PERUNTUKAN DIRAJA 1982

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 28/1987	Perintah Peruntukan Diraja (Pindaan Jadual Kedua)(No. 1) 1987	01-01-1985
P.U. (A) 29/1987	Perintah Peruntukan Diraja (Pindaan Jadual Kedua)(No. 2) 1987	01-01-1986
P.U. (A) 30/1987	Perintah Peruntukan Diraja (Pindaan Jadual Kedua)(No. 3) 1987	01-01-1987
P.U. (A) 76/1995	Perintah Peruntukan Diraja (Pindaan Jadual Pertama dan Ketiga)1995	01-01-1994
P.U. (A) 253/2002	Perintah Peruntukan Diraja (Pindaan Jadual Pertama dan Ketiga)2002	01-11-2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 269****AKTA PERUNTUKAN DIRAJA 1982****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Pertama	P.U. (A) 76/1995	01-01-1994
	P.U. (A) 253/2002	01-11-2001
Jadual Kedua	P.U. (A) 28/1987	01-01-1985
	P.U. (A) 29/1987	01-01-1986
	P.U. (A) 30/1987	01-01-1987
Jadual Ketiga	P.U. (A) 76/1995	01-01-1994
	P.U. (A) 253/2002	01-11-2001
